

Harga ayam masih tidak stabil

FOTO: RAFAQ REDZUAN

Peniaga dakwa isu harga sudah berlanjutan sejak lebih dua tahun lalu

Oleh MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM & MUKHRIZ MAT HUSIN
SHAH ALAM



AZMAN



MOHD FADZIL



Peniaga mendakwa harga ayam masih tidak stabil selain permintaan pelanggan terhadap bahan mentah itu juga berkurangan.

“Apabila habis cuti sekolah, dalam seminggu ke dua minggu, harga akan jatuh semula. Itu kebiasaannya.

“Tapi sekarang ini, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), trendnya bukan lagi boleh diagak seperti itu. Harga akan naik dan turun sesuka hati, tidak kira masa.

Tinjauan *Sinar Harian* di sini pada Isnin mendapati peniaga menjual ayam pada harga antara RM9.40 hingga RM9.70, iaitu sekitar harga siling ditetapkan kerajaan sebelum ini.

Mohd Fadzil berkata, dalam tempoh kira-kira sebulan lalu, harga ayam diterima daripada pembekal turun sebanyak tiga kati dari RM8.70 kepada RM7.80, sebelum kembali meningkat sebanyak 30 sen kepada RM8.10.

Ujarnya, disebabkan ketidakstabilan harga itu, keuntungan yang diperoleh antara RM1 hingga RM2 sahaja bagi setiap kilogram ayam yang dijual kepada pelanggan.

Seorang lagi peniaga ayam, Azman Dol Hamid, 57, berkata, walaupun harga bahan mentah tersebut menunjukkan penurunan, dia masih tidak boleh mem-

buat jangkaan sama ada trend itu akan berterusan pada masa akan datang.

Tambahnya, tahap permintaan ayam daripada pelanggan juga masih belum kembali pulih kepada tempoh sebelum pandemik ekoran ramai orang masih lagi berhadapan dengan kekangan kewangan untuk berbelanja akibat tekanan

kos sara hidup.

“Sambutan memang masih kurang, tidak seperti dulu. Mungkin orang ramai belum ada duit lagi, kesan daripada waktu pandemik dahulu,” ujarnya.

Tambah Azman, dia menganggarkan penurunan permintaan adalah sekitar 30 hingga 40 peratus berbanding sebelum pandemik.

Peniaga ayam masih berhadapan dengan ketidakstabilan harga bahan mentah tersebut yang diperoleh daripada pembekal meskipun ia ada merekodkan beberapa kali penurunan dalam tempoh sebulan lalu.

Seorang peniaga ayam di Pasar Moden Seksyen 6, di sini, Mohd Fadzil Affandi mendakwa, situasi berkenaan sudah berlanjutan sejak lebih dua tahun lalu, iaitu bermula ketika negara memasuki fasa pandemik Covid-19.

“Kalau dulu kita dah boleh agak, contohnya menjelang cuti sekolah, harga akan naik sebab orang akan buat kenduri kahwin dan pelbagai lagi majlis. Jadi adalah biasa kalau harga akan tinggi sebab permintaan tinggi.